

**HURAIAN BIDANG TUGAS PERKHIDMATAN KEBERSIHAN
KESELURUHAN KAWASAN IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
NEGERI PULAU PINANG**

**1. KAWASAN PERKHIDMATAN KEBERSIHAN KAWASAN
(KESELURUHAN KAWASAN IBU PEJABAT)**

Perkhidmatan kebersihan ini meliputi keseluruhan kawasan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang iaitu:

- (i) Kwarters Pengarah dan kuarters Pegawai Veterinar (berkembar)
- (ii) Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang
- (iii) Rumah Hijau dan tempat pemprosesan UM & UMAS
- (iv) Setor bahagian kesihatan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- (v) Klinik haiwan kesayangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- (vi) Reban unggas
- (vii) Kawasan riadah sukan

2. JENIS-JENIS PERKHIDMATAN KEBERSIHAN KAWASAN

2.1. PERKHIDMATAN HARIAN

- (i) Menyapu sampah, daun-daun kering di sekitar kawasan kompleks Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang:
 - Pejabat Utama
 - Rumah Hijau
 - Reban Ayam Piru
- (ii) Membersih keseluruhan longkang yang terdapat di kawasan kompleks Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang
- (iii) Sampah yang dikutip dihantar ke tempat pembuangan sampah yang disediakan.
- (iv) Menyiram pokok-pokok bunga dalam pasu dan di atas tanah.

2.2 PERKHIDMATAN MINGGUAN

- (i) Memotong rumput disekitar kompleks Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar setiap 3 hari..
- (ii) Pokok bunga yang mati ditanam baru.
- (iii) Pokok bunga yang berpasu diganti sekiranya pecah pasu dan rosak.
- (iv) Membaja pokok bunga pasu dan atas tanah sekali seminggu.
- (v) Pokok-pokok bunga yang besar dicantas sekali setiap 2 minggu.
- (iv) Pokok yang tak perlu ditebang bila diperlukan atas arahan.

2.3 PERKHIDMATAN BULANAN (1 KALI SEBULAN)

- (i) Meracun pagar perimeter sekitar kompleks.
- (ii) Ganti bunga berpasu atas arahan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang 2 kali setahun.

LAIN-LAIN SYARAT

TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR MENENTUKAN BAHAWA:

1. Semua pekerja mestilah:-
 - (i) Mahir dan berpengalaman dalam selok-belok kerja-kerja landskap taman dan kawasan.
 - (ii) Berpakaian seragam lengkap perkebunan dengan tanda nama dan dilengkapi dengan peralatan sesuai
 - (iii) Bersikap jujur, amanah, bersopan santun, berdisiplin dan bertanggungjawab
 - (iv) Bebas daripada rekod jenayah.
2. Kontraktor dikehendaki menyerahkan butiran lengkap peribadi perkerja seperti nama, nombor kad pengenalan dan lain-lain kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang bagi tujuan rekod.
3. Kontraktor dikehendaki melantik seorang Penyelia untuk mengawasi kerja-kerja yang dijadualkan dan membuat lawatan/pemeriksaan pada tiap-tiap hari untuk memastikan mutu kebersihan serta kecergasan dan tatatertib pekerja-pekerja yang bertugas adalah memuaskan.
4. Kontraktor dikehendaki menyediakan Buku Rekod Kedatangan Pekerja dan semua pekerja mesti menandatangani buku kedatangan ketika hadir dan balik dari bertugas. Buku Rekod Kedatangan hendaklah disertakan kepada Penyelia Jabatan Perkhidmatan Veterinar setiap hari untuk pengesahan. Kerja 8 jam sehari.
5. Mutu perkhidmatan yang dilaksanakan hendaklah memuaskan dan hanya sah dengan perakuan oleh Penyelia Jabatan Perkhidmatan Veterinar selaku Pegawai yang diberi kuasa oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
6. Kontraktor dikehendaki mendapat pengesahan Kad Laporan Kerja Harian dari Penyelia Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk tujuan pembayaran dan pemeriksaan.
7. Kontraktor dikehendaki mengemukakan satu **JADUAL KERJA** harian/mingguan/bulanan di dalam mengendalikan kerja-kerja tersebut kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.

8. Kontraktor hendaklah menempatkan seorang kakitangan di ruang yang akan ditetapkan supaya mudah dihubungi pada bila-bila masa. Segala perabot/kelengkapan hendaklah disediakan oleh pihak kontraktor.
9. Semua kerosakan kepada harta Kerajaan Negeri yang berlaku atas kecuaiian kontraktor akan dibiayai oleh kontraktor.
10. Kerja-kerja landskap dan pembersihan kawasan boleh ditambah dari masa ke semasa dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar tidak terikat untuk membayar bagi kerja-kerja tambahan yang diperlukan dari masa ke semasa.
11. Kontraktor dikehendaki menyediakan senarai bahan-bahan kimia yang akan digunakan di dalam perkhidmatan tersebut. Bahan-bahan yang akan digunakan hendaklah dari jenis non-corrosive.
12. Jabatan Perkhidmatan Veterinar berhak mengeluarkan arahan kepada kontraktor untuk memberhentikan mana-mana pekerja yang didapati tidak berdisiplin dan tidak mematuhi arahan atau melanggar mana-mana undang-undang yang menyebabkan terjejasnya imej Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
13. Kontraktor dikehendaki menyediakan 'Check List' bagi kerja-kerja harian/mingguan/bulanan yang telah dijadualkan seperti contoh di bawah.
14. Kontraktor yang dipilih hendaklah sebelum memulakan kerja mengambil di atas tanggungan sendiri satu polisi insurans yang mengandungi syarat di mana pihak kontraktor dan pemilik dijamin dari tindakan undang-undang yang timbul dari tuntutan salah seorang atau semua pekerja yang diambil bekerja oleh pihak kontraktor untuk bayaran ganti rugi di bawah Akta '**Workmans Compensation Ordinance 1952**' atau mana-mana undang-undang yang mengubah, menukar undang-undang tersebut dan dari semua pembayaran yang timbul.
15. Kontraktor yang dipilih dikehendaki mengambil '**Public Liability Insurance Policy**' untuk menjamin Pemilik dari tuntutan, tindakan undang-undang, ganti rugi atau pembayaran yang mungkin dihadapi ke Pemilik atau Pemilik dipaksa membayar tuntutan yang timbul dari perkara-perkara kemalangan atau kecederaan yang ditanggung oleh kontraktor, agen atau pekerja-pekerjanya atau mana-mana pihak yang disebabkan oleh sikap tidak bertanggungjawab kecuali atau meninggalkan mana-mana tugas oleh pihak kontraktor, agen atau pekerja-pekerja atau sesiapa yang bekerja di bawah jagaannya.

- 16,. Kontraktor yang dipilih dikehendaki mematuhi Akta '**Employment Ordinance 1955**' berkaitan dengan syarat-syarat pekerjaan dan bayaran. Kontraktor yang dipilih mestilah membayar segala bayaran yang diwajibkan kepada pekerja-pekerja, agen atau sesiapa yang bekerja di bawah jagaannya seperti yang dikehendaki oleh '**Employees Provident Funds Ordinance 1951**' dan '**Employees Social Security Act 1969**'.
17. Kontraktor adalah bertanggungjawab di atas segala kerosakan yang timbul dari kecuiaan semasa menjalankan kerja-kerja yang dinyatakan.
18. Kontraktor dikehendaki menyediakan empat (4) orang pekerja bagi menjalankan kerja-kerja mencuci serta **had umur tidak melebihi 50 tahun**.

